

Papan iklan punca tebing runtuh

Oleh SHAMSHUL FITRI MAJID
berita@kosmo.com.my

PETALING JAYA – Tebing Sungai Kayu Ara berhampiran Lebuhraya Damansara-Puchong (LDP) yang dulunya runtuh akibat kerja pembinaan papan iklan, kini ditambah bagi mengelakkan keadaan menjadi lebih teruk.

Tinjauan *KOSMO!* ke kawasan itu, berhampiran Jalan SS25/29 semalam mendapati, kerja-kerja pembinaan dinding penghadang bagi mengukuhkan tebing berkenaan giat dilakukan.

Batu-batu granit disusun sebagai tembok penghadang, sementara permukaan tebing ditutup dengan plastik bagi mengelak hakisan.

Menurut penduduk berhampiran, kerja-kerja pembinaan papan iklan di tebing berkenaan telah dimulakan sejak sebulan lalu.

Namun ia dihentikan ekoran tanah runtuh berlaku sehingga menjejaskan struktur tebing.

Ahli Parlimen Petaling Jaya Utara, Datin Paduka Chew Mei Fun ketika dihubungi berkata, kerja-kerja pembinaan dihentikan dua minggu lalu dan kini kerja mengukuhkan tebing sedang dijalankan.

“Tebing berkenaan harus dikukuhkan untuk elak jalan berhampiran terjejas akibat tanah runtuh.

“Malah jika projek itu diteruskan, benteng yang kekal harus dibina untuk mengelakkan kejadian tanah runtuh,” katanya.

Ketika diminta mengulas mengenai pembinaan papan iklan di tebing itu, Mei Fun berkata, beliau tidak pasti sama ada syarikat tersebut memperoleh kelulusan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Selangor.

“Tapak tersebut adalah rizab JPS, sebarang pembinaan harus mendapat kebenaran.

“Namun apa yang saya bimbangkan ialah tahap keselamatan jalan berhampiran yang pasti terjejas jika berlaku tanah runtuh,” jelasnya.

Sementara itu, seorang penduduk yang ditemui, Cynthia Teoh, 42, berkata, cadangan membina papan iklan di tebing tersebut adalah tidak sesuai.

Seorang lagi penduduk, Zahariah Ismail berkata, jika papan iklan itu siap, ia akan mencetuskan gangguan kepada pengguna jalan raya.

“Lebuhraya itu sering sesak dan papan iklan itu nanti mungkin menjejaskan tumpuan pemandu,” jelasnya.



TEBING sungai ditutup dengan plastik bagi mengelakkan kejadian tebing runtuh semakin teruk di tapak projek papan tanda di Jalan SS25/29, Petaling Jaya.